

02 JAN 2003

ANGGOTA UMNO TIDAK PERLU LATAH DENGAN KENYATAAN HADI AWANG

KUALA LUMPUR, 2 Jan (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak mahu anggota Umno tidak cepat "melatah" berhubung kenyataan Pemangku Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengenai peralihan kuasa pucuk pimpinan Umno pada akhir Oktober ini.

Najib yang juga Naib Presiden Umno berkata kenyataan Abdul Hadi bahawa akan terjadi perebutan kuasa dalam Umno selepas persaraan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merupakan suatu provokasi.

"Saya ingin anggota Umno tidak cepat `melatah' dengan kenyataan Hadi Awang yang lebih merupakan satu provokasi," katanya pada sidang media di Kementerian Pertahanan, di sini, hari ini.

Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu baru-baru ini dilaporkan berkata bahawa beliau meramalkan berlaku perebutan kuasa dalam Umno apabila Dr Mahathir bersara Oktober ini.

Semalam, Dr Mahathir berkata beliau yakin pemindahan kuasa pimpinan Umno itu akan berjalan lancar dan aman.

-- BERNAMA  
MHI AZH NAK